

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/4/2014

# Robohkan Tambak Johor terlebih dahulu

UM - 17/4/2014

PARIT 16 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengalu-alukan pembinaan jambatan persahabatan yang akan menghubungkan Malaysia serta Singapura tetapi menegaskan, Tambak Johor perlu dirobuhkan terlebih dahulu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Tambak Johor wajar dirobuhkan kerana menjadi punca berlakunya kesesakan lalu-lintas selain menghalang aliran air.

"Sepatutnya memang perlu ada sebuah jambatan yang menghubungkan kedua-dua negara ini. Dulu pun saya memang mahu bina jambatan tetapi setelah saya tidak lagi mentadbir negara, projek itu dibatalkan pula, saya amat kecewa.

"Kalau mahu bina jambatan, kena robuhkan dulu Tambak Johor kerana itulah punca kepada kesesakan lalu lintas di Johor Bahru. Kenapa mahu simpan lagi (Tambak Johor), zaman sekarang kita boleh bina jambatan yang merentasi lautan luas, kenapa tidak boleh bina di situ," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan syarahan bertajuk *Leaders in Today's Society: Issues, Chal-*



**PARA peserta ceramah tidak melepaskan peluang bertemu dan bergambar dengan Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), Dr. Mahathir Mohamad selepas beliau menyampaikan ceramah bertajuk *Leaders in Today's Society: Issues, Challenges and Way Forward* di UTP, Seri Iskandar, Perak, semalam. - BERNAMA**

*enges and Way Forward* di Dewan Canselor, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Seri Iskandar dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

negeri, Datuk Saarani Mohamad. Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengemukakan cadangan kepada

Singapura untuk membina sebuah jambatan baharu yang dapat menghubungkan negara itu dengan Malaysia.

Katanya, rancangan itu yang merupakan inisiatif jangka masa panjang dijangka meningkatkan hubungan jalan raya dan menambah baik keadaan alam sekitar.

Sebagai rekod, Dr. Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri telah melaksanakan projek pembinaan 'jambatan bengkok' yang menghubungkan kedua-dua negara membabitkan kos kurang daripada RM1 bilion tetapi telah dibatalkan oleh pengganti beliau, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam pada itu, ketika menyampaikan syarahan beliau, Dr. Mahathir menegaskan, pemimpin unggul ialah mereka yang mampu memberi panduan dan menjadi teladan baik kepada para pengikutnya.

Kata Dr. Mahathir, Nabi Muhammad SAW merupakan contoh terbaik pemimpin yang unggul.

"Baginda mampu menyatukan Arab pada zaman jahiliyah dan membina satu tamadun yang agung," jelasnya.